

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 14

ARAHAN KERJA : PEMONITORAN POTENSI AUTOKLAF VAKUM

No. Salinan Kawalan :

Dikeluarkan Kepada :

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PP/JP PPP/PPK	A. PERSEDIAAN AWAL 1. Sediakan Jadual Perancangan dan Pelaksanaan. 2. Ujian Pemonitoran Potensi Autoklaf Vakum. Ujian Potensi Autoklaf Vakum perlu dilakukan pada Autoklaf Type B sahaja. 3. Ujian Pemonitoran Potensi Autoklaf dijalankan bagi menguji keberkesanan penyingkiran udara atau <i>steam penetration</i> bagi autoklaf vakum. 4. Ujian Pemonitoran Potensi Autoklaf ini boleh dilaksanakan samada dengan menggunakan ujian Helix atau ujian Bowie-Dick. 5. Ujian Pemonitoran Potensi Autoklaf perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya setiap 2 minggu sekali.
PPP/PPK	B. TATACARA SEBELUM PELAKSANAAN UJIAN PEMONITORAN POTENSI AUTOKLAF 1. Pastikan anggota memakai PPE yang sesuai dengan prosedur kerja. 2. Pastikan autoklaf telah menjalani satu kitaran <i>trial-run</i> pensterilan tanpa peralatan sebelum penggunaan harian. 3. Semak tarikh luput petunjuk Helix atau Bowie-Dick. Pastikan petunjuk yang digunakan belum tamat tempoh tarikh luput.
PPP/PPK	C. TATACARA PELAKSANAAN UJIAN HELIX 1. Tempatkan petunjuk helix dalam PCD/ kapsul berdasarkan arahan pengeluar. 2. Tempatkan PCD/kapsul bersama peralatan yang ingin disteril. 3. Laksanakan proses pensterilan.

PPP/PPK	4. Keluarkan petunjuk Helix dari PCD/ Kapsul dan perhatikan perubahan warna jalur petunjuk. 5. Rekodkan keputusan ujian pemantauan potensi autoklaf dalam Borang Rekod Pemantauan Potensi Autoklaf Vakum (BKPJ-BK-AK14-1). i. Warna jalur petunjuk Helix yang berubah kepada hitam menunjukkan keberkesanan penyingkiran udara dan <i>steam penetration</i>. ii. Sekiranya warna jalur petunjuk tiada perubahan/ tidak berubah dengan sempurna, penyingkiran udara dan <i>steam penetration</i> autoklaf vakum adalah tidak berkesan. 6. Ulangi ujian helix sekali lagi jika jalur petunjuk tiada perubahan/ tidak berubah dengan sempurna. Rekodkan keputusan ujian. 7. Buat aduan kerosakan dengan mengisi borang aduan kerosakan (jika jalur petunjuk masih tiada perubahan/ tidak berubah dengan sempurna semasa ujian ulangan). 8. Selepas pembaikan autoklaf, lakukan ujian potensi autoklaf untuk mengesahkan keberkesanan penyingkiran udara dan <i>steam penetration</i> sebelum autoklaf digunakan.
JT/PPP/PPK	D. TATACARA PELAKSANAAN UJIAN BOWIE-DICK 1. Tempatkan petunjuk Bowie-Dick dalam ruang tengah kebuk autoklaf yang kosong (tanpa muatan). 2. Laksanakan satu kitaran pensterilan. Keluarkan petunjuk Bowie-Dick dan perhatikan perubahan lengkap warna pada corak petunjuk (perubahan warna bergantung kepada pengeluaran). 3. Rekodkan keputusan ujian pemantauan potensi autoklaf dalam Borang Rekod Ujian Potensi Autoklaf Vakum. i. Corak petunjuk yang lengkap berubah warna menunjukkan keberkesanan penyingkiran udara autoklaf vakum. ii. Sekiranya warna corak petunjuk tiada perubahan/ tidak berubah dengan sempurna,
PPP/PPK	

NO. DOKUMEN : JKNJ – G – AK 14

ARAHAN KERJA : PEMONITORAN POTENSI AUTOKLAF VAKUM

	penyingkiran udara autoklaf vakum adalah tidak berkesan. 4. Ulangi ujian Bowie-Dick sekali lagi sekiranya warna corak petunjuk tiada perubahan/ tidak berubah dengan sempurna. Rekodkan keputusan ujian. 5. Buat aduan kerosakan dengan mengisi borang aduan kerosakan (jika warna corak petunjuk masih tiada perubahan/ tidak berubah dengan sempurna semasa ujian ulangan). 6. Selepas pembaikan autoklaf, lakukan ujian potensi autoklaf untuk mengesahkan keberkesanan penyingkiran udara.
--	---

	JAWATAN	TANDATANGAN
Disediakan oleh :	Puan Wong Toh Chien Penyelia Juruterapi Pergigian U36	
Diluluskan oleh :	Dr Hasni Binti Md Zain Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)	